

SKIM AGIHAN ZAKAT KEPADA ASNAF FI SABILILLAH MENGIKUT MAQASID SYARIAH: KAJIAN DI SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Azman Ab Rahman

Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

E-mel: azman@usim.edu.my

Syed Mohd Najib Syed Omar

Pensyarah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

E-mel: syednajib@usim.edu.my

Hairullfazli Mohammad Som

Pensyarah, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa
Selangor.

E-mel: hairullfazli@kuis.edu.my

Siti Zulaikha Mokhtar

Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia.

E-mel: zulaikha211@gmail.com

Abstrak

Salah satu daripada lapan golongan yang berhak menerima zakat ialah fi sabilillah. Pendekatan maqasid syariah dilihat sangat penting dalam pengagihan zakat kepada asnaf fi sabilillah bagi memastikan agihan zakat yang diberikan menepati pensyariatan dan hikmah tuntutan zakat. Setiap skim yang disediakan perlu dinilai sama ada melengkapi keperluan asnaf berdasarkan maqasid syariah, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kajian ini akan membincangkan konsep maqasid syariah dalam konteks zakat serta menganalisis dan menilai skim agihan zakat kepada fi sabilillah berdasarkan maqasid syariah di Selangor dan Wilayah Persekutuan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah dokumentasi. Hasil kajian mendapat secara umumnya skim-skim yang disediakan oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Bahagian Baitumal, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) kepada fi sabilillah melengkapi setiap aspek maqasid syariah. Namun, semakan semula perlu dilakukan bagi memastikan skim-skim tersebut mengikuti keutamaan lima prinsip maqasid syariah, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Kajian lanjutan boleh dijalankan bagi menilai setiap skim yang disediakan kepada 7 golongan asnaf dari semasa ke semasa agar selari dengan konsep maqasid syariah yang diutamakan dalam Islam. Kajian ini diharapkan menjadi panduan kepada pihak Majlis Agama Islam di setiap negeri dalam melaksanakan sistem pengagihan zakat asnaf fi sabilillah secara berkesan dan telus.

Kata kunci: *Fi sabilillah, Skim Agihan Zakat, Maqasid Syariah, Lembaga Zakat Selangor, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan*

1. Pendahuluan

Allah SWT telah menetapkan kedudukan asnaf penerima zakat di dalam al-Quran mengikut turutan iaitu asnaf fakir, miskin, amil, mualaf, ar-riqab, al-gharimin dan fi sabilillah. Sebagaimana dalam firman Allah SWT maksudnya:

“Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang miskin, amil zakat, yang dilunakkan hatinya (mualaf), untuk memerdekakan hamba sahaya,

untuk membebaskan orang yang berhutang, untuk yang berada di jalan Allah dan untuk orang yang sedang di dalam perjalanan sebagai kewajiban dari Allah. Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.” (Surah al-Tawbah: 60)

Setiap negeri di Malaysia menyediakan skim-skim bantuan yang pelbagai untuk asnaf fisabilillah. Skim-skim yang disediakan adalah berbeza mengikut negeri masing-masing. Artikel ini hanya akan meneliti skim agihan zakat yang disediakan kepada asnaf fisabilillah oleh LZS dan Bahagian Baitulmal MAIWP. Skim agihan zakat tersebut akan diteliti dari aspek maqasid syariah bagi memastikan bantuan yang diagihkan selari dengan prinsip syarak.

Justeru, artikel ini akan membincangkan konsep maqasid syariah dalam konteks agihan zakat di Malaysia, di samping mengenal pasti dan menganalisis skim agihan zakat kepada fi sabillah berdasarkan maqasid syariah di Selangor dan Wilayah Persekutuan. Artikel ini akan menilai sama ada skim bantuan yang disediakan mengikut keutamaan lima prinsip maqasid syariah, iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

2. Metodologi Kajian

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah pengumpulan data secara dokumentasi. Kaedah ini melibatkan kajian perpustakaan untuk mendapatkan maklumat berkenaan tafsiran asnaf fi sabillah dan konsep maqasid syariah menurut pandangan para fuqaha terdahulu dan kontemporari. Kaedah ini akan mengenal pasti skim yang disediakan kepada asnaf fi sabillah di Selangor dan Wilayah Persekutuan. Buku, jurnal, laporan tahunan, kertas kerja, majalah, akhbar dan internet merupakan rujukan yang digunakan bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan.

Bagi menganalisis data yang telah diperoleh, metodologi yang digunakan ialah yang berbentuk analisis induktif, deduktif (istiqra'i) dan komparatif (muqaranah). Cara yang digunakan ialah dengan menilai dan menganalisis skim bantuan zakat mengikut prinsip maqasid syariah untuk mencari titik persamaan dan perbezaan bagi aspek-aspek yang ditekankan dalam kajian ini. Seterusnya, aspek-aspek ini akan dinilai satu persatu. Penyelidik akan membandingkannya dan menganalisis sebelum mengeluarkan satu kesimpulan yang mantap.

3. Keputusan Kajian dan Perbincangan

3.1 Definisi Fi sabillah

Fisabilillah jika dilihat daripada segi definisi umum bermaksud tentera Islam yang berperang menentang golongan kafir (al-Sarakhsy, 1986). Namun, perbahasan dan perbincangan terhadap definisi fisabilillah berlaku di kalangan ulama dulu dan kini sehingga membawa kepada pelbagai ijihad. Terdapat ulama yang cuba membawa nafas baru dalam menafsirkan fi sabillah bersesuaian dengan kehendak semasa dan bertepatan dengan roh serta maqasid syariah.

Institusi-institusi zakat di Malaysia turut mempunyai pendapat dan pandangan yang tersendiri dalam menetapkan definisi fisabilillah. Menurut LZS, fi sabillah ialah perjuangan, usaha dan aktiviti yang bertujuan untuk menegakkan dan mempertahankan agama Allah

(Lembaga Zakat Selangor, 2016(b)). Bahagian Baitulmal MAIWP pula telah menggunakan takrifan asnaf berpandukan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali Ke-51 yang telah bersidang pada 13 Mac 1999 iaitu mana-mana orang atau pihak yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau aktiviti menegak, mempertahankan dan mendakwahkan agama Islam serta kebajikannya (Azman Ab Rahman et. al., 2015).

3.2 Konsep Maqasid Syariah

‘Alal al-Fasi mendefinisikan maqasid syariah dengan maksud objektif yang datang dari syariah dan rahsia-rahsia yang diletakkan oleh Allah bagi setiap hukum-hakamnya (‘Alal al-Fāsi, 1966). Matlamat utama syariat Islam diciptakan adalah untuk menghasilkan kebaikan kepada manusia dan menolak keburukan. Para fuqaha mentafsirkan kebaikan (maslahah) dan keburukan (mafsadah) di sini merangkumi aspek duniaawi dan ukhrawi (Al-Syatibi, 1996). Allah SWT menjelaskan di dalam al-Quran bahawa perutusan Nabi Muhammad SAW adalah untuk membawa kebaikan dan rahmat bagi sekalian alam:

“Dan tiadalah Kami mengutuskan kamu, melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam”.

(Surah Al-Anbiyaa’: 107)

Al-Syatibi menjelaskan ayat di atas bagi menguatkan hujahnya bahawa rahmat adalah cerminan pada meraih kebaikan (maslahah) dan menghindari keburukan (mafsadah) di sebalik tujuan misi kerasulan Nabi Muhammad SAW ke dunia (JAKIM, 2015). Dalam konteks agihan zakat kepada asnaf fisabilillah, setiap skim yang disediakan perlu dinilai supaya seiring dengan kehendak syarak dan dapat memenuhi setiap keperluan asnaf serta mencapai kemaslahatan.

Al-Ghazali telah mengkategorikan maqasid syariah kepada tiga (3) maslahah iaitu keperluan dharuriyyah, keperluan hajiiyyah dan keperluan tahsiniyyah. Keperluan daruriyyah adalah unsur-unsur yang tanpanya kehidupan manusia di dunia ini akan menjadi rosak dan tidak teratur. Keperluan hajiiyyah pula adalah unsur-unsur yang memudahkan kehidupan manusia. Sementara itu, keperluan tahsiniyyah adalah perkara-perkara yang berkaitan dengan maruah, adab, tingkah laku, moral dan etika yang membawa kepada kesempurnaan hidup. Kesejahteraan dan kebahagiaan seseorang individu dan masyarakat akan terjamin seandainya ketiga-tiga maslahah ini dapat dipenuhi dengan cara yang seimbang. Al-Ghazali seterusnya menapis keperluan tersebut ke dalam pemeliharaan lima unsur penting (*Al-Dharuriyyat Al-Khams*) iaitu agama (Ad-Din), nyawa (An-Nafs), akal (Al-‘Aql), keturunan (An-Nasl) dan harta (Al-Mal) (Al-Ghazali, 1901).

Al-Syatibi menyatakan bahawa matlamat utama syariat Islam merangkumi lima (5) komponen yang sangat penting iaitu memelihara agama (ad-Din), jiwa (al-Nafs), akal (al-‘Aql), keturunan (al-Nasl) dan harta (al-Mal). Pemeliharaan ini begitu sempurna untuk dilaksanakan oleh masyarakat muslim dalam pelbagai situasi dan keadaan (Al-Syatibi, 1996).

Secara ringkasnya, *al-daruriyyat al-khams* ini merupakan satu pemeliharaan yang begitu sempurna untuk dilaksanakan oleh masyarakat muslim dalam pelbagai situasi dan keadaan. Kesyumulan *al-daruriyyat al-khams* ini menunjukkan bahawa Islam amat

menekankan kepada pemeliharaan dan perlindungan terhadap diri dan setiap warga muslim dan bukan muslim, selagi mana mereka berada di bawah naungan Islam.

3.3 Skim Bantuan Zakat Asnaf Fi Sabilillah di Selangor

LZS telah menyediakan sebanyak 19 skim bantuan untuk asnaf fi sabilillah. Agihan bagi asnaf fi sabilillah adalah bagi menampung keperluan aktiviti-aktiviti dakwah, pendidikan dan pengembangan syiar Islam. Antara skim bantuan yang disalurkan kepada asnaf fisabilillah adalah seperti di dalam jadual 1 berikut (Sumber: LZS, <http://www.zakatselangor.com.my/jenis-bantuan-umum/>, 1.10.2016):

Bil.	Skim Bantuan Zakat
1.	Bantuan Umum Pelajaran
2.	Bantuan Kepada Persatuan/Badan Islam
3.	Bina/Baik Pulih Sekolah Agama
4.	Dermasiswa Belajar Di Luar Negara
5.	Program Penerapan Nilai-Nilai Islam
6.	Dermasiswa Huffaz Al-Quran
7.	Pembinaan/Baik Pulih Institusi Agama
8.	Pembinaan Baik Pulih Masjid
9.	Pembinaan Baik Pulih Surau
10.	Bantuan Karpet Masjid/Surau
11.	Pembinaan Baik Pulih Surau Sekolah
12.	Dermasiswa Kecil Pelajar SAMR/T
13.	Bantuan Keperluan Sekolah
14.	Bantuan Peralatan Masjid/Surau
15.	Bantuan Pendidikan/Penerbitan
16.	Bantuan Banjir
17.	Bantuan Kebakaran
18.	Dermasiswa Pelajar Cemerlang
19.	Bantuan Ribut

Jadual 1: Skim Bantuan Zakat Asnaf Fisabilillah di Selangor


Demi memenuhi keperluan semasa, LZS membuat inovasi dalam agihan zakat dengan mewujudkan lima program teras iaitu Program Pembangunan Institusi Agama, Insan, Pendidikan, Sosial dan Ekonomi. Penyaluran wang zakat juga diperkuatkan melalui lima program ini dan mampu menstrukturkan kembali keperluan asnaf (Nurul Aqilah Jalaludin et. al., 2016).

LZS telah mengambil peranan dan tanggungjawab untuk mengagihkan dana zakat yang ada bagi memenuhi keperluan pembangunan institusi agama di Selangor melalui Program Pembangunan Institusi Agama. Di bawah Program Pembangunan Insan, pelbagai pengisian dirangka demi memperbaiki aspek spiritual asnaf melalui pelbagai kursus serta latihan berkala dan berterusan. Program Pembangunan Pendidikan pula mensasarkan perubahan bermula dari generasi kedua iaitu anak-anak asnaf, agar mereka dapat dibentuk

menjadi generasi yang cemerlang dan mampu pula membebaskan diri dan keluarga daripada belenggu kemiskinan. Melalui Program Pembangunan Sosial, tumpuan diberikan kepada keperluan asasi, tempat tinggal dan kebajikan asnaf agar mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih baik. Selain itu, bantuan zakat yang disalurkan melalui Program Pembangunan Ekonomi bertujuan meningkatkan pendapatan para asnaf agar mereka dapat keluar daripada kemiskinan seterusnya mampu menjadi pengeluar zakat suatu hari nanti (Hailani Muji Tahir, 2010).

3.4 Analisis Skim Agihan Zakat Fi sabilillah Lzs Mengikut Maqasid Syariah

Skim bantuan zakat yang disediakan kepada asnaf fi sabilillah di Selangor dianalisis berdasarkan lima prinsip asas dalam maqasid syariah. Analisis ini dijalankan bagi mengenal pasti setiap skim bantuan zakat yang disediakan agar selari dengan aspek maqasid syariah yang diutamakan dalam Islam. Penetapan skim agihan zakat berdasarkan kepada maqasid syariah melalui pengekstrakan ontologi kaedah dharuriyyat, hajiyyat dan tahsiniyyat boleh dilihat dalam carta 2 di bawah (Azman Ab Rahman et. al., 2016):



Carta 2: Klasifikasi Utama Maqasid Syariah

Pembahagian skim agihan zakat kepada fisabilillah perlu dilaksanakan mengikut lima kepentingan asas yang utama bermula daripada agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Aspek pemeliharaan agama merupakan aspek pertama yang perlu dititikberatkan di bawah Program Pembangunan Institusi Agama dan aspek pemeliharaan nyawa merupakan aspek kedua di bawah Program Pembangunan Insan. Program Pembangunan Pendidikan merupakan perkara ketiga di bawah aspek pemeliharaan akal dan pemeliharaan keturunan merupakan aspek keempat di bawah Program Pembangunan Sosial. Aspek pemeliharaan harta merupakan aspek kelima di bawah Program Pembangunan Ekonomi. Jadual 3 di bawah menunjukkan pembahagian skim agihan zakat kepada fi sabilillah di Selangor mengikut maqasid syariah:

Pemeliharaan Agama Program	Pemeliharaan Nyawa Program	Pemeliharaan Akal Program	Pemeliharaan Keturunan Program	Pemeliharaan Harta Program
---	---	--	---	---

Pembangunan Institusi Agama	Pembangunan Insan	Pembangunan Pendidikan	Pembangunan Sosial	Pembangunan Ekonomi
Bantuan Kepada Persatuan/ Badan Islam		Bantuan Umum Pelajaran	Bantuan Banjir	
Bina/Baik Pulih Sekolah Agama		Dermasiswa Belajar Di Luar Negara	Bantuan Kebakaran	
Dermasiswa Huffaz Al-Quran		Dermasiswa Kecil Pelajar SAMR/T	Bantuan Ribut	
Pembinaan/Baik Pulih Institusi Agama		Bantuan Keperluan Sekolah		
Pembinaan Baik Pulih Masjid		Bantuan Pendidikan/ Penerbitan		
Pembinaan Baik Pulih Surau		Dermasiswa Pelajar Cemerlang		
Bantuan Karpet Masjid/Surau				
Pembinaan Baik Pulih Surau Sekolah				
Bantuan Peralatan Masjid/Surau				
Program Penerapan Nilai-Nilai Islam				
10	0	6	3	0

Jadual 3: Skim Agihan Zakat Kepada Fi sabilillah di Selangor Mengikut Maqasid Syariah.

Berdasarkan jadual 3 di atas, sebanyak 10 skim daripadanya adalah bantuan untuk Program Pembangunan Institusi Agama bagi aspek pemeliharaan agama. Aspek pemeliharaan akal mempunyai bilangan skim agihan zakat kedua tertinggi iaitu sebanyak 6 skim. Sebanyak 3 skim dikategorikan sebagai aspek pemeliharaan keturunan. Walau bagaimanapun, untuk aspek pemeliharaan nyawa dan harta, tiada skim yang diperuntukkan di bawahnya.

3.5 Skim Bantuan Zakat Asnaf Fi Sabilillah di Wilayah Persekutuan

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), melalui pihak Baitulmal telah

mengagihkan 6 jenis skim bantuan zakat kepada asnaf fi sabilillah di Wilayah Persekutuan melalui Program Pembangunan Asnaf, Program Pembangunan Akademik dan Program Pembangunan Ummah. Jenis Skim Bantuan Zakat yang disediakan oleh pihak Baitulmal, MAIWP kepada asnaf fi sabilillah adalah seperti jadual 4 (MAIWP, <http://www.maiwp.gov.my/i/index.php/perkhidmatan-kami/agihan-zakat>, 1.10.2016):

Bil.	Skim Bantuan Zakat
1.	Bantuan Perubatan
2.	Bantuan Am Persekolahan
3.	Bantuan Peralatan Persekolahan
4.	Bantuan Am Pelajaran
5.	Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran
6.	Bantuan Kepada Agensi-agensi Kebajikan

Jadual 4: Skim Bantuan Zakat Asnaf Fi sabilillah di Wilayah Persekutuan

Bahagian Baitulmal MAIWP telah mengagihkan skim bantuan perubatan melalui Program Pembangunan Asnaf. Di bawah Program Pembangunan Akademik, Baitulmal MAIWP menyediakan 4 skim bantuan kepada asnaf fi sabilillah iaitu Bantuan Am Persekolahan, Bantuan Peralatan Persekolahan, Bantuan Am Pelajaran dan Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran. Melalui Program Pembangunan Ummah, 1 skim disediakan untuk asnaf iaitu skim bantuan kepada agensi-agensi kebajikan untuk menjalankan aktiviti dakwah dan keagamaan.

3.6 Analisis Skim Agihan Zakat Fi Sabilillah Mengikut Maqasid Syariah di Wilayah Persekutuan

Penyelidik mengklasifikasikan jenis dan bentuk skim bantuan zakat yang disediakan kepada asnaf fi sabilillah oleh Bahagian Baitulmal MAIWP berdasarkan lima prinsip dalam maqasid syariah. Prinsip-prinsip tersebut adalah memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Model agihan zakat berdasarkan Maqasid Syariah diringkaskan seperti dalam jadual 5 di bawah:

Pemeliharaan Agama	Pemeliharaan Nyawa	Pemeliharaan Akal	Pemeliharaan Keturunan	Pemeliharaan Harta
Bantuan Galakan Hafaz Al-Quran	Bantuan Perubatan	Bantuan Am Persekolahan		
Bantuan kepada Agensi-agensi Kebajikan		Bantuan Peralatan Persekolahan		
		Bantuan Am Pelajaran		

2	1	3	0	0
----------	----------	----------	----------	----------

Jadual 5: Skim Agihan Zakat Kepada Fi sabilillah di Wilayah Persekutuan Mengikut Maqasid Syariah

Jadual 5 menunjukkan pembahagian skim bantuan zakat Bahagian Baitulmal MAIWP mengikut maqasid syariah. Terdapat 6 skim secara umumnya yang disediakan oleh Bahagian Baitulmal MAIWP kepada asnaf fi sabilillah. Sebanyak 3 skim daripadanya adalah bantuan kepada asnaf fi sabilillah untuk tujuan pendidikan iaitu bantuan am persekolahan, bantuan peralatan persekolahan dan bantuan am pelajaran. Aspek pemeliharaan akal mempunyai bilangan skim agihan zakat yang paling tinggi. Aspek pemeliharaan agama memiliki bilangan kedua tertinggi iaitu sebanyak 2 skim. Antaranya ialah bantuan galakan hafaz al-quran dan bantuan kepada agensi-agensi kebajikan. Sebanyak 1 sahaja skim yang dikategorikan sebagai aspek pemeliharaan nyawa iaitu bantuan perubatan. Tiada skim yang diperuntukkan di bawah aspek pemeliharaan keturunan dan harta.

3.7 Analisis Perbandingan Skim Agihan Zakat Kepada Fi Sabilillah Mengikut Maqasid Syariah di Selangor dan Wilayah Persekutuan

Berdasarkan jadual 3 dan 5, penyelidik mendapati Lzs menyediakan lebih banyak skim bantuan zakat untuk asnaf fi sabilillah berbanding skim yang disediakan Bahagian Baitulmal MAIWP. Sebanyak 19 skim diagihkan oleh Lzs manakala Bahagian Baitulmal MAIWP mengagihkan 6 skim sahaja.

Lzs didapati menyediakan skim bantuan dalam aspek pemeliharaan **agama** lebih banyak berbanding aspek yang lain. Terdapat 10 skim diperuntukkan oleh Lzs bagi tujuan memelihara agama iaitu bantuan kepada persatuan/ badan Islam, bantuan bina/baik pulih sekolah agama, dermasiswa huffaz al-Quran, pembinaan/baik pulih institusi agama, pembinaan baik pulih masjid, pembinaan baik pulih surau, bantuan karpet masjid/surau, pembinaan baik pulih surau sekolah, bantuan peralatan masjid/surau dan program penerapan nilai-nilai Islam. Walau bagaimanapun, aspek pemeliharaan agama menduduki posisi kedua tertinggi di dalam skim agihan zakat kepada fi sabilillah mengikut maqasid syariah oleh Bahagian Baitulmal MAIWP. Sebanyak 2 skim diperuntukkan bagi tujuan memelihara agama iaitu bantuan galakan hafaz al-Quran dan bantuan kepada agensi-agensi kebajikan. Skim-skim yang disediakan Bahagian Baitulmal MAIWP didapati turut disediakan oleh Lzs di bawah aspek ini.

Aspek pemeliharaan **akal** mempunyai bilangan skim agihan zakat kedua tertinggi di Selangor manakala Bahagian Baitulmal MAIWP telah menyediakan bilangan skim paling banyak bagi tujuan pemeliharaan akal. Terdapat dua skim yang sama di Selangor dan Wilayah Persekutuan iaitu bantuan umum pelajaran dan bantuan keperluan sekolah. Skim-skim lain berbeza namun matlamat adalah sama untuk pemeliharaan akal. Walaupun akal lebih diutamakan berbanding nasab keturunan dan harta, namun agama dan nyawa lebih utama untuk dipertahankan.

Pemeliharaan **nyawa** perlu dilihat semula secara terperinci kerana tiada skim diperuntukkan oleh Lzs dan hanya 1 skim disediakan oleh Bahagian Baitulmal MAIWP di bawah aspek pemeliharaan nyawa iaitu bantuan perubatan. Pemeliharaan nyawa menjadi

keutamaan berbanding pemeliharaan akal, keturunan dan harta. Bagi tujuan pemeliharaan **keturunan**, Lzs menyediakan sebanyak 3 skim bantuan. Antaranya bantuan banjir, bantuan kebakaran dan bantuan ribut. Tiada skim diperuntukkan oleh Bahagian Baitulmal Maiwp di bawah aspek ini. Dari sudut pemeliharaan **harta**, Lzs dan Bahagian Baitulmal Maiwp tidak memperuntukkan sebarang skim.

Berdasarkan jadual di atas, skim agihan zakat fi sabilillah Lzs dan Bahagian Baitulmal Maiwp didapati menepati konsep maqasid syariah, namun perlu menilai dan mengkaji semula skim bantuan zakat yang telah dijalankan. Penambahbaikan dan semakan semula jumlah skim bantuan zakat berdasarkan keutamaan dalam lima aspek pemeliharaan berdasarkan *al-Dharuriyyat al-Khams* yang bermula daripada pemeliharaan agama, nyawa, keturunan, akal dan harta boleh dilaksanakan untuk memastikan sistem pengagihan zakat menepati konsep maqasid syariah. Sebagai contoh, Lzs telah meletakkan keutamaan kepada aspek pemeliharaan agama kerana bantuan-bantuan yang diagihkan di bawah aspek ini mempunyai bilangan tertinggi. Walau bagaimanapun, di Wilayah Persekutuan, aspek pemeliharaan agama yang menjadi keutamaan dalam prinsip maqasid syariah berada di tempat kedua dengan bilangan sebanyak 2 skim.

4. Kesimpulan

Pelaksanaan maqasid syariah terhadap semua aspek kehidupan amat penting bagi mencapai matlamat setiap perkara yang disyariatkan. Bagi memastikan skim bantuan diurus dengan baik, adil dan amanah, semua agensi pemberi bantuan perlu menjadikan maqasid syariah sebagai dasar agihan bantuan dengan mengambil kira lima aspek keutamaan dalam *al-Dharuriyyat al-Khams* bermula daripada pemeliharaan agama, pemeliharaan nyawa, pemeliharaan akal, pemeliharaan keturunan dan pemeliharaan harta. Penambahbaikan dan semakan semula jumlah skim dan kadar bantuan berdasarkan keutamaan dalam lima aspek pemeliharaan ini amat penting dengan mengambil kira faktor kehendak semasa dan keperluan penerima bantuan serta ekonomi negara.

Rujukan

Buku

- Azman Ab Rahman & Hasanah Abd Khafidz, 2015. *Ensiklopedia Asnaf dan Skim Agihan Zakat di Malaysia*. Bandar Baru Nilai: USIM Press.
- Azman Ab Rahman & Muhammad Ridhwan Ab Aziz, 2016. *Pembasmian Kemiskinan Berdasarkan Maqasid Syariah*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Al-Fasi, `Alal, 1966. *Maqasid al-Syar`iyyah al-Islamiyyah Wa Makarimah*. Rabat: Matabi` al-Risalah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. 1901. *Al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. (1st Ed.). Egypt: Al-Matba'ah al-Amiriyyah.
- Al-Sarakhs, Muhammad Ahmad, 1986. *al-Mabsut*. Beirut. Dar al-Ma'rifah.
- Al-Syatibi, Abu Ishaq Ibrahim bin Musa Ibn Muhammad al-lakhmi, 1996. *Al-Muwafaqat fi Usul al-Syariah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 2015. *Indeks Syariah Malaysia Model Tadbir Urus Berteraskan Maqasid Syariah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*. Putrajaya.

Kertas Kerja

- Ahmad Wifaq Mokhtar. 2016. Parameter (al-Dhawabit) Maqasid al-Shariah Dalam Pentadbiran Negara. *Kertas Kerja Seminar Nasional Maqasid Al-Shari'ah 2016: Maqasid al-Shariah & Fiqh Demokrasi*. Shah Alam.
- Hailani Muji Tahir. 2009. Pentafsiran dan Perlaksanaan Agihan Zakat Fisabilillah Mengikut Keperluan Semasa Di Malaysia. *Kertas Kerja Seminar Pengagihan Zakat Di Bawah Asnaf Fisabilillah*. Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- Nurul Aqilah Jalaludin, Noor Afiqah Che Soh & Hairunnizam Wahid, 2016. Lokalisasi Agihan Zakat Pelajar Di Institusi Pengajian Tinggi: Satu Kajian Atas Status Anak Negeri. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Dan Kewangan Islam 2016*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Laman Sesawang

- Lembaga Zakat Selangor, 2016(a). Jenis Agihan Zakat.
<http://www.zakatselangor.com.my/jenis-bantuan-umum/> (diakses pada 1 Oktober 2016).
- Lembaga Zakat Selangor, 2016(b). Penerima Agihan Zakat.
<http://www.zakatselangor.com.my/info-agihan/info-agihan-2/> (diakses pada 1 Oktober 2016).
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, 2016. Agihan Zakat.
<http://www.maiwp.gov.my/i/index.php/perkhidmatan-kami/agihan-zakat>